

# ZIRAX CREAM

Aцикловир (5% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Zirax
2. Bagaimana Zirax berfungsi
3. Sebelum menggunakan Zirax
4. Cara menggunakan Zirax
5. Semasa menggunakan Zirax
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Zirax
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Zirax

Ia digunakan untuk merawat jangkitan kulit Herpes Simplex virus yang termasuk jangkitan herpes genital dan herpes labialis (di sekeliling bahagian mulut) pada peringkat awal dan berulang.

## Bagaimana Zirax berfungsi

Aцикловир adalah antiviral yang digunakan dalam rawatan dan pencegahan jangkitan virus. Ia dapat membunuh atau menghentikan pertumbuhan virus.

## Sebelum menggunakan Zirax

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jika mempunyai alahan terhadap acyclovir atau ramuan lain Zirax.

### - Sebelum menggunakan Zirax

Zirax tidak disyorkan untuk penggunaan pada mulut, vagina dan mata disebabkan oleh iritasi setempat.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika menggunakan ubat-ubat di bawah:

- probenecid, digunakan untuk rawatan gout.

## Cara menggunakan Zirax

### - Berapa banyak harus digunakan

Ubat perlu disapu sebaik sahaja tanda-tanda penyakit mula timbul. Ia adalah penting untuk mulakan rawatan pada jangkitan berulang apabila tanda-tanda mula timbul. Krim boleh disapu 5-6 kali sehari, setiap tiga hingga empat jam untuk 5-10 hari.

### - Bila perlu digunakan

Sentiasa mengambil Zirax mengikut arahan doktor anda. Anda perlu semak dengan doktor atau ahli farmasi anda jika tidak pasti.

### - Berapa lama perlu digunakan

Anda perlu semak dengan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Gunakan sebaik sahaja anda teringat.

### - Jika menggunakan berlebihan(terlebih dos)

Jika guna berlebihan, hubungi doktor anda, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

## Semasa menggunakan Zirax

### - Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang anda sedang ambil.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan memberi ubat ini kepada sesiapa walaupun tanda-tanda penyakit mereka serupa, kerana mungkin mendatangkan mudarat.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Jikalau anda hamil, menjadi hamil atau menyusukan anak semasa rawatan, anda tidak patut mengambil Zirax kecuali dengan arahan doktor. Doktor akan mempertimbangkan manfaat dan risiko rawatan ini atas anda dan bayi.

## Kesan-kesan sampingan

Kesan acyclovir, pada umumnya boleh diterima. Ia boleh menyebabkan kulit menjadi lebih sensitif dan mengakibatkan kesan alahan dengan penggunaan berterusan. Ruam kulit mungkin berlaku. Kesan seperti rasa terbakar atau pedih yang sementara, kulit menjadi kering atau mengelupas, kemerahan dan kegatalan boleh berlaku selepas penggunaan krim.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my)  
(Consumers → Reporting)

## Cara penyimpanan dan pelupusan Zirax

### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, di bawah 30°C. Jauhkan daripada cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang tidak diperlukan.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Krim berwarna putih.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: acyclovir
- Bahan bukan aktif: propylene glycol, liquid paraffin, cetomacrogol emulsifying wax, white soft paraffin, chlorocresol dan deionised water.

### - Nombor MAL:

MAL19991430A

## Pengilang dan Pemegang pendaftaran keluaran

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.

1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

24/06/2015

## Nombor siri

BPFK(R4/1)050615/00143